Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT
LAPORAN TAHUNAN 2025

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT
LAPORAN TAHUNAN
2025

PENYATA MISI

Memupuk pengauditan bebas berkualiti tinggi bagi memelihara keyakinan terhadap kualiti dan keandalan penyata kewangan teraudit entiti berkepentingan awam dan kumpulan wang jadual di Malaysia.

© LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT, SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA 2026

3 Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur
Malaysia

Telefon +603 6204 8900
Laman web www.sc.com.my/aob

Tarikh akhir bagi data yang dinyatakan dalam laporan ini ialah 31 Disember 2025.

KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGERUSI 8

SOROTAN 2025

Sorotan Utama Fungsi Teras AOB pada tahun 2025 12

Profil Firma Audit dan Juruaudit Individu Berdaftar dan Diiktiraf AOB 13

PEMANTAUAN DAN PENYELIAAN JURUAUDIT PIE DAN KUMPULAN WANG JADUAL

Pendaftaran dan Pengiktirafan Firma Audit dan Juruaudit Individu 16

Pemeriksaan Firma Audit dan Juruaudit Individu 19

Penguatkuasaan terhadap Firma Audit dan Juruaudit Individu 23

LIBAT URUS BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN DAN INISIATIF PEMBANGUNAN KAPASITI

Memperkukuh Kualiti Audit melalui Libat Urus Pihak Berkepentingan 28

Usaha Pembangunan Kapasiti dan Kolaborasi 36

PENYATA

Ahli Lembaga Pemantauan Audit 40

Pernyataan Tadbir Urus 44

Penyata Kewangan 48

LAIN-LAIN

Akronim dan Singkatan 68

Definisi 69

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.

PERUTUSAN PENGERUSI

PERUTUSAN PENGERUSI

Saya dengan sukaacitanya membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025. Setelah berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah sejak tahun 2020 dan dilantik semula sebagai Pengerusi Eksekutif pada 5 Januari 2026, ini merupakan tahun pertama saya melaporkan aktiviti pengawasan dan sorotan utama AOB.

Sehingga 31 Disember 2025, juruaudit di bawah bidang kuasa AOB secara kolektif mengaudit 1,348 entiti berkepentingan awam (PIE) dan 1,363 kumpulan wang jadual.

TEKNOLOGI DAN KEMAMPANAN

Landskap pengauditan sedang dibentuk semula oleh perubahan teknologi yang pesat dan penekanan yang semakin meningkat terhadap kemampanan. Analisis data dan kecerdasan buatan sedang mengubah proses audit, membantu juruaudit memperoleh maklumat yang lebih mendalam tentang proses dan prestasi perniagaan. Terdapat peningkatan tumpuan terhadap pelaporan dan jaminan kemampanan, dengan juruaudit dijangka memberikan jaminan bahawa penzahiran adalah boleh dipercayai dan sejajar dengan piawaian global.

Sejak penubuhannya pada tahun 2010, AOB telah secara konsisten memperkukuh mandatnya untuk melindungi kualiti audit dan mengukuhkan keyakinan terhadap pelaporan kewangan. AOB terus mencapai kemajuan dalam aktiviti pengawasannya, yang antara lain merangkumi perkara berikut:

a) Pemantauan terhadap juruaudit dan firma audit

- Melaksanakan pemeriksaan berkala ke atas juruaudit dan firma audit bagi menilai tahap pematuhan terhadap piawaian pengauditan, etika dan pengurusan kualiti.
- Mengeluarkan garis panduan yang menggalakkan tadbir urus dan ketelusan dalam kalangan firma audit.

b) Tindakan penguatkuasaan terhadap ketidakpatuhan piawaian audit dan etika

- Menetapkan jangkaan melalui tindakan penguatkuasaan terhadap firma audit dan juruaudit. Buat pertama kalinya, AOB telah menggantung sebuah firma audit serta dua juruaudit individunya atas isu serius berkaitan kualiti audit dan kegagalan mereka menunjukkan penambahbaikan terhadap kualiti audit berdasarkan penemuan pemeriksaan AOB sebelum ini.

c) Libat urus dengan pihak berkepentingan utama dan kerjasama strategik

- Bekerjasama dengan organisasi lain seperti Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dalam sesi perkongsian pengetahuan dan dialog mengenai pengukuhan kualiti audit.
- Perbincangan AOB dengan Jawatankuasa Audit tertumpu pada melengkapkan jawatankuasa audit dengan pengetahuan/maklumat untuk menjalankan fungsi pengawasan mereka ke atas juruaudit dan proses audit dengan berkesan. Pada tahun 2025, Perbincangan ini memberi tumpuan kepada kemampanan dan cara piawaian pelaporan kemampanan memberi kesan kepada penyata kewangan.

Dari segi kemampanan, AOB merupakan ahli aktif Jawatankuasa Penasihat Pelaporan Kemampanan (ACSR) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. AOB mempengerusikan Kumpulan Kerja Jaminan Kemampanan ACSR yang sedang membangunkan Rangka Kerja untuk Jaminan Kemampanan. Salah satu cadangan utama di bawah Rangka Kerja ini adalah untuk memperluas mandat AOB bagi merangkumi pengawasan terhadap penyedia jaminan kemampanan. Mandat yang dipertingkatkan ini bertujuan untuk memperkukuh keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan pelaporan kemampanan yang terjamin dalam pasaran modal Malaysia.

MENINGKATKAN KUALITI AUDIT MELALUI KERJASAMA STRATEGIK

AOB telah bekerjasama dengan penetap piawaian antarabangsa dan menganjurkan meja bulat berikut:

a) Meja Bulat Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan (IESBA) mengenai Budaya dan Tadbir Urus Firma yang membincangkan dan mendapatkan maklum balas mengenai prinsip-prinsip untuk memperkukuh kepimpinan beretika, kebertanggungjawaban dan integriti merentasi firma audit.

b) Meja Bulat Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa (IAASB) mengenai Pengurusan Kualiti Teknologi yang menumpukan pada penggunaan dan tadbir urus teknologi baharu seperti analitik data dan kecerdasan buatan.

Sesi-sesi ini telah dihadiri oleh pengawal selia, juruaudit, penyedia dan pihak berkepentingan lain dalam ekosistem pelaporan kewangan. Meja bulat ini menyediakan ruang untuk berkongsi amalan terbaik, cabaran dan memupuk komitmen bersama terhadap kualiti audit.

TUMPUAN BERTERUSAN TERHADAP LIBAT URUS PIHAK BERKEPENTINGAN DAN PEMBANGUNAN KAPASITI

Adalah penting untuk AOB mempertimbangkan pandangan pihak berkepentingan utama berhubung perkara yang berkaitan dengan juruaudit dan kualiti audit. Oleh itu, kami terus menumpukan pada libat urus kami dengan juruaudit dan jawatankuasa audit syarikat awam tersenarai. Kami juga menggunakan libat urus ini untuk berkongsi tentang aktiviti pengawasan kami dan pemerhatian kami terhadap kualiti audit.

AOB menggunakan dana penalti untuk membina kapasiti juruaudit berdaftar, khususnya firma audit yang lebih kecil, melalui kerjasama dengan MICPA. MICPA disokong oleh kepakaran dan sumber Firma Audit Utama untuk menjalankan bengkel. Bengkel-bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan teknikal, mengukuhkan pertimbangan profesional, serta menggalakkan amalan terbaik dalam kualiti audit.

Melangkah ke hadapan, Lembaga ini akan terus memperkemas rangka kerja pengawasannya, memperluas libat urus kolaboratif dengan pihak berkepentingan utama, serta memanfaatkan teknologi untuk menambah baik proses pemeriksaan dan pemantauan, di samping menumpukan usaha pada bidang yang berisiko tertinggi. Inisiatif ini dirangka bagi memastikan juruaudit entiti berkepentingan awam mengekalkan piawaian tertinggi dari segi kebebasan, integriti dan kecekapan profesional.

PENGHARGAAN

Akhir sekali, bagi pihak AOB, saya ingin merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada bekas Pengerusi AOB, Tan Sri Abu Samah Nordin, atas kepimpinan cemerlang beliau dalam menerajui Lembaga. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Noorazman Abd Aziz, yang menamatkan tempoh perkhidmatannya sebagai Ahli Lembaga Bukan Eksekutif pada Julai 2025, atas sokongan dan komitmen yang diberikan sepanjang tempoh tersebut.

Kami dengan sukacitanya mengalu-alukan pelantikan YM Tunku Afwida Tunku Abdul Malek dan Seri Izriana Melani Mohtar sebagai Ahli Bukan Eksekutif AOB. Kepakaran dan perspektif mereka akan terus memperkukuh AOB.

Saya turut ingin merakamkan penghargaan kepada rakan-rakan pengawal selia, badan perakaunan profesional, serta pihak berkepentingan atas sokongan berterusan mereka. Dengan komitmen Lembaga dan dedikasi barisan profesional AOB, kami kekal teguh dalam usaha memupuk persekitaran pengauditan yang memastikan firma audit dan juruaudit menjunjung nilai kualiti, kebebasan dan keberanian.

Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan

SOROTAN

SOROTAN UTAMA FUNGSI TERAS AOB PADA TAHUN 2025

PENDAFTARAN

MENGUKUHKAN JANGKAAN PENGAWALSELIAAN

- Mendaftar **29** juruaudit individu baharu dan **satu** firma audit baharu
- Mengiktiraf **satu** firma audit asing baharu dan **tujuh** juruaudit individu asing baharu
- Mengukuhkan ekosistem pelaporan kewangan melalui siri Perbincangan AOB bersama Juruaudit dan Jawatankuasa Audit
- Bekerjasama dengan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) bagi pembangunan kapasiti
- Membangunkan kapasiti dan keupayaan juruaudit berdaftar AOB melalui pemudahcaraan program latihan berfokus
- Menerbitkan AOB Alerts kepada AC dan Juruaudit mengenai topik berkenaan:
  - Peranan AC dalam memperkukuh kualiti audit
  - Audit penyata kewangan kumpulan
  - Peranan AC dan juruaudit dalam menghubungkan pendedahan kewangan berkaitan kemampanan dengan penyata kewangan
  - Pengurusan Risiko Teknologi untuk Juruaudit

PEMERIKSAAN

MEMPERKUKUH TUMPUAN TERHADAP PEMERIKSAAN BERASASKAN RISIKO

- Memeriksa **14** firma audit, **40** juruaudit individu dan **41** tugasan audit
- Mengeluarkan **14** laporan pemeriksaan sepanjang tahun
- Mengenakan langkah pembetulan khusus terhadap **dua** firma audit yang diperiksa dan **10** juruaudit individu
- Merujuk **empat** tugasan yang diperiksa untuk tindakan penguatkuasaan dan prosiding tatatertib

PENGUAT-KUASAAN

HASIL PENGUATKUASAAN TERTUMPU DAN BERKESAN

- Terdapat **satu** firma audit dan **dua** juruaudit individu digantung daripada pendaftaran
- Sebanyak **empat** juruaudit individu dilarang daripada menerima dan mengaudit PIE dan kumpulan wang jadual
- Sejumlah **RM423,750** penalti kewangan telah dikenakan ke atas **dua** firma audit dan **tiga** juruaudit individu

PROFIL FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU BERDAFTAR DAN DIIKTIRAF AOB SETAKAT 31 DISEMBER 2025

381
Juruaudit individu berdaftar

16
Juruaudit individu asing diiktiraf

36 Firma audit berdaftar

5 Firma audit asing diiktiraf

MENGAUDIT

1,348 PIE

RM1,994 bilion

Permodalan pasaran syarikat awam tersenarai (PLC)

MENGAUDIT

1,363 Kumpulan wang jadual

RM817 bilion

Nilai aset bersih (NAV)

Sumber: AOB

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.

PEMANTAUAN DAN PENYELIAAN JURUAUDIT PIE DAN KUMPULAN WANG JADUAL

Lembaga Pemantauan Audit (AOB) melaksanakan pelbagai inisiatif pemantauan dan penyeliaan bagi mengekalkan integriti dan kualiti audit yang dijalankan ke atas entiti berkepentingan awam (PIE) dan kumpulan wang jadual. Rangka kerja pengawasannya merangkumi pendaftaran/pengiktirafan firma audit dan juruaudit individu, pemeriksaan berkala serta tindakan penguatkuasaan bagi memastikan pematuhan terhadap piawaian audit dan etika antarabangsa.

Kriteria dan syarat pendaftaran serta pengiktirafan ditetapkan bagi memastikan hanya juruaudit yang kompeten, berkelayakan dan bebas dibenarkan mengaudit PIE dan kumpulan wang jadual. Firma Audit Utama diperiksa setiap tahun, manakala Firma Audit Lain disemak sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun, mencerminkan pendekatan pemantauan berasaskan risiko. Pemeriksaan ini menilai sistem pengurusan kualiti di peringkat firma serta tugasan audit di peringkat penglibatan, bagi memastikan pematuhan terhadap Piawaian Antarabangsa mengenai Pengurusan Kualiti (ISQM), Piawaian Antarabangsa mengenai Pengauditan (ISA) dan piawaian etika seperti yang diterima pakai oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA). Ketidakpatuhan terhadap piawaian profesional ini, bergantung pada sifat dan tahap kebimbangan, boleh mengakibatkan tindakan penguatkuasaan terhadap juruaudit.

PENDAFTARAN DAN PENGIKTIRAFAN FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU

Pendaftaran dan pengiktirafan firma audit serta juruaudit individu merupakan antara fungsi pengawalseliaan teras AOB. Aktiviti pendaftaran dan pengikitirafan firma audit dan juruaudit yang dilaksanakan sepanjang tahun pelaporan ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1
Pendaftaran dan pengiktirafan

	Setakat 1 Januari 2025	Bil. pemohon baharu	Bil. penarikan balik / tidak diperbaharui	Bil. penggantungan	Setakat 31 Disember 2025
Berdaftar					
Firma audit	37	1	(1)	(1)	36
Juruaudit individu	377	29	(23)	(2)	381
Diiktiraf					
Firma audit asing	5	1	(1)	-	5
Juruaudit individu asing	16	7	(7)	-	16

Pada tahun 2025, AOB telah menggantung satu firma audit dan dua juruaudit individu selama dua tahun susulan kegagalan mereka untuk mematuhi keperluan berkaitan ISQM 1 dan ISA.

Carta 1 dan carta 2 masing-masing menunjukkan perincian mengenai bilangan firma audit dan juruaudit individu yang berdaftar dan diiktiraf oleh AOB serta bilangan PIE yang diaudit bagi tempoh lima tahun yang lalu.

CARTA 1
Statistik pendaftaran lima tahun bagi firma audit dan juruaudit individu berdaftar



CARTA 2
Statistik pengiktirafan lima tahun bagi firma audit asing dan juruaudit individu asing diiktiraf



Kemasukan semula Individu yang Mempunyai Ulasan Buruk sebagai juruaudit berdaftar AOB

Keperluan dan kriteria pendaftaran AOB bertujuan memastikan hanya individu yang sesuai didaftarkan sebagai juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual. Langkah ini diambil bagi melindungi kualiti audit dan menjaga kepentingan awam.

Penilaian kesesuaian dan kebolehpercayaan AOB adalah berpandukan *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA), *Buku Panduan bagi Pendaftaran dan Pengiktirafan AOB* serta garis panduan berkaitan. Kriteria tersebut lazimnya merangkumi tiga tonggak utama berikut:

a) Karakter dan Integriti
- Mesti menunjukkan kejujuran, keadilan dan tingkah laku beretika.
- Tiada rekod penipuan, ketidakjujuran atau salah laku profesional.
- Pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan piawaian profesional.
- Kebebasan dan objektiviti dalam membuat pertimbangan profesional.

b) Kompetensi dan Keupayaan
- Memiliki kelayakan profesional yang sesuai contohnya, ahli MIA.
- Pengalaman audit yang relevan, khususnya melibatkan PIE.
- Pembangunan profesional berterusan bagi mengekalkan pengetahuan dan kemahiran.
- Keupayaan untuk mengaplikasikan piawaian audit dan etika dengan berkesan.

c) Kestabilan Kewangan
- Mesti bertanggungjawab dari segi kewangan dan bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan.

Selaras dengan itu, proses kemasukan semula untuk mendaftarkan juruaudit individu yang mempunyai ulasan buruk terdahulu tertakluk kepada penilaian menyeluruh terhadap kesesuaian dan kebolehpercayaan juruaudit tersebut untuk melaksanakan audit yang berkualiti. Ulasan buruk tersebut boleh berpunca daripada tindakan penguatkuasaan AOB sebelum ini dan/atau tindakan oleh agensi kawal selia lain.

Kemasukan semula sebagai juruaudit berdaftar AOB tidak berlaku secara automatik. AOB menilai setiap permohonan kemasukan semula secara individu dan berdasarkan kes yang mengikut keadaan. Faktor yang dipertimbangkan termasuk sifat, keadaan pelanggaran terdahulu serta tahap kebimbangan.

Juruaudit mesti membuktikan semula kesesuaian dan kebolehpercayaan mereka serta menunjukkan bahawa isu-isu terdahulu telah ditangani. Tanggungjawab untuk membuktikan perkara tersebut terletak sepenuhnya pada juruaudit, yang perlu mengemukakan dokumen sokongan bagi menunjukkan bahawa isu yang membawa kepada ulasan buruk telah ditangani dan diperbetulkan, di samping memastikan bahawa semua keperluan pendaftaran semasa dipenuhi pada masa permohonan semula untuk didaftarkan dengan AOB.

PEMERIKSAAN FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU

Selaras dengan Seksyen 31V(1) Bahagian IIIA SCMA, AOB menjalankan pemeriksaan ke atas juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual dengan tujuan memupuk kualiti audit yang tinggi serta memastikan penyata kewangan teraudit yang boleh dipercayai.

Program pemeriksaan yang dilaksanakan oleh AOB merangkumi semakan di peringkat Firma dan peringkat Tugasan.

Semakan Peringkat Firma
Semakan peringkat firma bertujuan menilai tahap pematuhan firma audit terhadap keperluan ISQM 1.

Semakan Peringkat Tugasan
Semakan peringkat tugasan bertujuan menilai tahap pematuhan juruaudit berdaftar terhadap piawaian audit dan etika yang berkaitan, termasuk sama ada bukti audit yang mencukupi dan sesuai telah diperoleh berhubung laporan audit PIE dan kumpulan wang jadual.

Gambaran Ringkas Pemeriksaan

Bil. Firma Audit Berdaftar
36

Sembilan Firma Audit Utama*
Firma audit dengan lebih daripada 10 juruaudit individu yang secara kolektif mengaudit lebih daripada 50 PIE dengan jumlah permodalan pasaran melebihi RM15.0 bilion. Pemeriksaan ke atas firma-firma audit ini dijalankan setiap tahun.

Portfolio Pelanggan:
754 PLC merangkumi kira-kira **95%** daripada keseluruhan permodalan pasaran PLC.

27 Firma Audit Lain
Pemeriksaan berasaskan risiko dengan sasaran untuk meliputi firma-firma ini sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun.

323 PLCs, merangkumi kira-kira 5% daripada keseluruhan permodalan pasaran PLC.

Liputan Pemeriksaan 2025

Pada tahun 2025, AOB telah memeriksa **sembilan Firma Audit Utama** dan **lima Firma Audit Lain**, meliputi **40 juruaudit individu** bagi **41 tugasan audit**. Tugasan audit yang diperiksa melibatkan pelanggan audit dengan operasi merentasi pelbagai industri, seperti diringkaskan dalam Rajah 1.

Nota:

* *Firma Audit Utama terdiri daripada Baker Tilly Monteiro Heng PLT, BDO PLT, Crowe Malaysia PLT, Deloitte Malaysia PLT, Ernst & Young PLT, Grant Thornton Malaysia PLT, KPMG PLT, PricewaterhouseCoopers PLT dan UHY Malaysia PLT.*

RAJAH 1

Industri yang diliputi dalam semakan peringkat tugasan pada tahun 2025



Selepas setiap pemeriksaan diselesaikan, satu laporan pemeriksaan akan dikeluarkan kepada firma audit, yang memperincikan penemuan daripada pemeriksaan tersebut. Firma audit kemudiannya dikehendaki mengemukakan pelan tindakan pembetulan untuk semakan dan kelulusan AOB. Semua kekurangan pemeriksaan mesti diperbetulkan dalam tempoh masa yang dipersetujui bersama AOB.

Bagi tugasan yang memerlukan penambahbaikan ketara, AOB boleh mengenakan langkah pembetulan khusus terhadap firma audit atau juruaudit individunya atau mengenakan prosiding penguatkuasaan.

SOROTAN PEMERIKSAAN UTAMA 2025



Selain itu, AOB juga boleh menerima rujukan dalaman atau luaran berkaitan kebimbangan terhadap kualiti audit PIE. Pada tahun 2025, AOB telah menyelesaikan penilaian bagi 23 kes rujukan.

Perincian lanjut mengenai program pemeriksaan, termasuk penemuan pemeriksaan lazim, analisis arah aliran serta usaha pembetulan yang diambil oleh firma audit yang diperiksa, akan dibentangkan secara berasingan dalam Laporan Pemeriksaan Tahunan (AIR) 2025 AOB. AIR bertujuan menggalakkan perbincangan yang lebih bermakna mengenai kualiti audit dalam kalangan juruaudit, jawatankuasa audit serta pihak pengurusan PIE dan kumpulan wang jadual.

Laporan Pemeriksaan Tahunan AOB 2024



Laporan Pemeriksaan Tahunan AOB 2023



Laporan Pemeriksaan Tahunan AOB 2022

Laporan Pemeriksaan Tahunan AOB 2021

Memperkukuh penyeliaan audit melalui ketelusan dan tadbir urus

Di peringkat global, terdapat minat dan perbincangan yang semakin meningkat berkaitan budaya dan tadbir urus firma audit. Penekanan yang lebih besar diberikan terhadap kepentingan penerapan nilai etika, akauntabiliti dan ketelusan dalam struktur tadbir urus firma audit bagi memastikan pengawasan yang berkesan, mengurangkan risiko perlakuan tidak beretika, serta meningkatkan keyakinan pihak berkepentingan. Peningkatan tumpuan terhadap pelaporan bukan kewangan, jaminan kemampanan dan kemajuan teknologi turut mengukuhkan pembentukan budaya yang mengutamakan tingkah laku beretika.

Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan (IESBA) telah memulakan satu projek bagi membangunkan rangka kerja budaya dan tadbir urus yang menggalakkan, menyokong dan mengukuhkan piawaian tinggi tingkah laku beretika oleh kepimpinan firma, rakan kongsi lain serta kakitangan yang merangkumi semua perkhidmatan profesional firma tersebut.

Prinsip terhadap pengawasan bebas

Selaras dengan perkembangan ini, AOB telah mempergiatkan usaha untuk memperkukuh tadbir urus firma audit dan kualiti audit melalui beberapa inisiatif utama, termasuk pengenalan prinsip pengawasan bebas bagi Firma Audit Utama serta penambahbaikan terhadap keperluan Laporan Ketelusan Tahunan (Annual Transparency Reports, ATR).

Prinsip pengawasan bebas bagi Firma Audit Utama mewajibkan firma-firma tersebut menubuhkan fungsi pengawasan bebas dalam struktur kepimpinan firma. Fungsi pengawasan ini hendaklah bebas daripada pasukan pengurusan eksekutif firma, dilengkapi dengan kuasa dan pengaruh yang bersesuaian, serta berkeupayaan untuk melaksanakan pengawasan ke atas kedua-dua fungsi audit dan bukan audit Firma Audit Utama.

Laporan Ketelusan Tahunan

Berhubung dengan Laporan ATR, AOB akan menurunkan ambang pelaporan supaya lebih banyak firma audit yang berdaftar dengan AOB diwajibkan menyediakan ATR, di samping memperkenalkan keperluan pelaporan tambahan. Pendedahan oleh firma audit mengenai struktur tadbir urus, sistem kawalan kualiti dan inisiatif utama mereka menyediakan maklumat yang bernilai kepada Jawatankuasa Audit (Audit Committees, AC) serta pihak berkepentingan utama, sekali gus membolehkan mereka memahami dengan lebih baik bagaimana firma audit melindungi kualiti audit dan menegakkan piawaian etika. Secara keseluruhan, inisiatif-inisiatif ini menggalakkan akauntabiliti dan meningkatkan kualiti audit.

Perincian lanjut prinsip mengenai pengawasan bebas dan peningkatan terhadap keperluan ATR akan dihuraikan dalam Laporan AIR, yang menyediakan gambaran menyeluruh mengenai hasil pemeriksaan AOB serta keberkesanan usaha penambahbaikan kualiti audit.

PENGUATKUASAAN TERHADAP FIRMA AUDIT DAN JURUAUDIT INDIVIDU

Sepanjang tahun tersebut, AOB telah mengenakan tindakan terhadap tiga firma audit dan lapan juruaudit individu kerana ketidakpatuhan terhadap keperluan ISQM 1 dan ISA. Perincian tindakan penguatkuasaan tersebut ditunjukkan dalam Rajah 2 di bawah.

RAJAH 2

PELBAGAI TINDAKAN YANG DIAMBIL PADA 2025

PENGGANTUNGAN PENDAFTARAN

1 Firma audit

2 Juruaudit individu

LARANGAN + PENALTI DIKENAKAN

1 Juruaudit individu

LARANGAN

3 Juruaudit individu

PENALTI DIKENAKAN

2 Firma audit

2 Juruaudit individu

JUMLAH PENALTI DIKENAKAN

RM325,000
Firma audit

RM98,750
Juruaudit individu

Pada tahun 2025, AOB telah mengenakan pelbagai tindakan penguatkuasaan terhadap juruaudit individu, penyemak kawalan kualiti tugasan serta firma audit. Tindakan ini ditentukan berdasarkan rangka kerja penguatkuasaan yang mengambil kira sifat dan tahap kebimbangan isu, elemen pengurangan risiko dan pemberat yang berkaitan, serta kesannya terhadap pasaran modal. Sepanjang tahun tersebut, AOB telah menggantung pendaftaran sebuah firma audit bersama dua juruaudit individu untuk tempoh dua tahun. Penggantungan tersebut berpunca daripada tindakan penguatkuasaan terdahulu serta kegagalan juruaudit berkenaan menunjukkan penambahbaikan dalam kualiti audit secara keseluruhan berdasarkan hasil pemeriksaan yang dilaksanakan sebelum ini.

Tindakan penguatkuasaan AOB bertujuan memberikan isyarat tegas kepada profesion bahawa pelanggaran serius terhadap piawaian, etika atau keperluan pengawalseliaan akan ditangani dengan tegas. Ia juga berfungsi sebagai pencegahan yang berkesan, di samping memberi peluang kepada firma audit dan juruaudit individu untuk menilai semula amalan mereka dan memperkukuh keupayaan bagi melaksanakan audit PIE dan kumpulan wang jadual pada masa hadapan.

PEMERHATIAN PENGUATKUASAAN

Rajah 1 di bawah menggambarkan pemerhatian berkaitan tindakan penguatkuasaan bagi tahun 2025.

RAJAH 1

Sistem Pengurusan Kualiti
- Kelemahan sistemik yang serius dalam sistem pengurusan kualiti atau kawalan dalaman firma audit
- Penemuan yang meluas merentasi tugasan audit yang diperiksa, termasuk beberapa penemuan berulang daripada pemeriksaan AOB sebelum ini.

Peranan EQR
- Kegagalan untuk menyemak dengan mencukupi bidang risiko ketara dan pertimbangan ketara.
- Semakan yang tidak mencukupi terhadap bidang audit lain seperti pelarasan tahun sebelumnya, harta, loji dan peralatan, baki pembukaan serta penyatuan kumpulan.

Kelangsungan Operasi
- Kegagalan menilai kewajaran dan kesesuaian andaian yang digunakan.
- Dokumentasi yang tidak wujud, tidak lengkap atau tidak memadai dalam fail audit untuk menyokong kesimpulan berkaitan kecukupan tindakan mitigasi yang diambil oleh pelanggan PIE bagi menangani ketidakpastian material berkaitan keupayaan meneruskan operasi.

Asas pendapat audit
- Kegagalan melaksanakan prosedur audit untuk memperoleh bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyokong kesimpulan yang dibuat dalam beberapa bidang utama termasuk, tetapi tidak terhad kepada, penilaian kos pembangunan hartanah, kewujudan deposit tetap dan ketidakpengiktirafan pelarasan tahun sebelumnya.

Penyata kewangan kumpulan
- Dokumentasi yang tidak wujud, tidak lengkap atau tidak mencukupi berhubung dengan skop kerja yang dilaksanakan oleh juruaudit komponen serta sama ada dokumentasi tersebut mencukupi untuk menyokong asas kepada pendapat audit yang dikeluarkan oleh juruaudit kumpulan.

KES BERTERUSAN DI BAWAH SIASATAN

Semua tindakan penguatkuasaan tertakluk kepada proses semakan yang kukuh dan dilaksanakan selaras dengan rangka kerja penguatkuasaan yang diluluskan. Walaupun penyelesaian yang tepat pada masanya adalah penting untuk memastikan tindakan penguatkuasaan mencapai impak dan kesan pencegahan yang dihasratkan, pertimbangan yang teliti turut diberikan kepada setiap rujukan. Juruaudit diberikan peluang untuk menjelaskan, mencabar dan mengemukakan maklumat tambahan bagi menangani penemuan AOB. Dalam keadaan di mana tindakan penguatkuasaan diperlukan, AOB memberi keutamaan kepada kes berdasarkan potensi risikonya terhadap pasaran modal, yang bermaksud sesetengah kes akan dipercepatkan.

Bilangan kes yang masih belum diselesaikan setakat 31 Disember 2025 ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

JADUAL 2
Bilangan kes penguatkuasaan yang sedang diproses dan belum diselesaikan

Tahun	Bil. rujukan untuk prosiding penguatkuasaan	Bil. kes yang diselesaikan sebelum 2025	Bil. kes yang diselesaikan pada 2025	Bil. kes yang sedang diproses setakat 31 Disember 2025
2023	8	3	3	2
2024	5	-	1	4
2025	4[1]	-	1	2
JUMLAH	17	3	5[2]	8

Nota:
1. Rujukan yang diterima pada tahun 2024 sedang dinilai bersama rujukan yang diterima pada tahun 2025 memandangkan kedua-duanya melibatkan firma audit yang sama.
2. AOB telah menyelesaikan enam kes pada tahun 2025, termasuk satu rujukan daripada tahun 2022.

Baca selanjutnya mengenai Tindakan Penguatkuasaan AOB di
https://www.sc.com.my/aob/aobs-sanctions

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.

LIBAT URUS BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN DAN INISIATIF PEMBANGUNAN KAPASITI

MEMPERKUKUH KUALITI AUDIT MELALUI LIBAT URUS PIHAK BERKEPENTINGAN

Pembangunan dan pelaksanaan dasar serta tindakan pengawalseliaan memerlukan penilaian yang teliti terhadap impaknya ke atas pihak berkepentingan yang relevan. AOB berusaha mengimbangi pelbagai pandangan dalam proses membuat keputusan dengan memberi tumpuan kepada kepentingan awam. Oleh itu, adalah penting bagi AOB untuk sentiasa terlibat dalam perbincangan, memupuk kerjasama dan mendapatkan maklum balas yang membina bagi melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan. Maklum balas daripada aktiviti libat urus sebelum ini secara konsisten menunjukkan bahawa sesi-sesi tersebut memberikan pandangan bernilai serta meningkatkan penghargaan terhadap peranan penting AOB dalam memelihara kualiti audit.

Sepanjang tahun 2025, AOB telah menganjurkan beberapa sesi bersama pihak berkepentingan utama, termasuk:

- Terus berkongsi jangkaan pengawalseliaan AOB dan penemuan pemeriksaan lazim melalui Perbualan Tahunan AOB bersama Juruaudit.

- Anjuran Meja Bulat Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan (IESBA) mengenai Budaya dan Tadbir Urus Firma
- Anjuran Meja Bulat Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa (IAASB) mengenai Pengurusan Kualiti Teknologi

- Terus berkongsi penemuan pemeriksaan lazim AOB dan jangkaan terhadap jawatankuasa audit melalui Perbualan Tahunan AOB bersama Jawatankuasa Audit.

- Bekerjasama dengan MICPA untuk menganjurkan bengkel seperti *'Practical Insights into Root Cause Analysis'* serta sebuah persidangan bertajuk *'Evolving Financial Reporting Landscape: Insights into MFRS and Sustainability in Practice'*.

- Meningkatkan kerjasama dengan Jabatan Akauntan Negara bagi memperkukuh proses pelesenan audit di Malaysia.
- Meningkatkan kerjasama dengan Jabatan Audit Negara untuk membincangkan perkara berkaitan juruaudit.

MEMPERKUKUH PENYELIAAN AUDIT MELALUI KERJASAMA GLOBAL DAN SERANTAU

Dengan memanfaatkan keahliannya dalam Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa (IFIAR) dan Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN (AARG), AOB memperoleh akses kepada perkembangan global dan serantau sambil menyumbang kepada usaha berterusan dalam meningkatkan kualiti audit. Platform ini turut menyediakan ruang bagi AOB untuk berhubung dengan kepimpinan global dan serantau daripada enam firma Jawatankuasa Dasar Awam Global (GPPC) bagi membincangkan isu rangkaian dan perkara baharu yang sedang muncul. Penglibatan AOB dalam kumpulan kerja IFIAR, termasuk Kumpulan Kumpulan Kerja Pelabur dan Pihak Berkepentingan Lain (IOSWG) dan Pasukan Petugas Jaminan Kemampanan (SATF), membuka peluang untuk menyampaikan perspektif Malaysia dalam perbincangan antarabangsa serta memastikan kesesuaian piawaian global dengan konteks tempatan. Penyertaan dalam SATF membolehkan AOB membentuk amalan berkaitan pelaporan dan jaminan kemampanan, satu bidang yang semakin penting bagi pasaran modal. Melalui IOSWG, AOB berinteraksi dengan pelabur dan pihak berkepentingan lain untuk memahami jangkaan mereka dengan lebih baik dan meningkatkan ketelusan dalam pelaporan kewangan.

Pada tahun 2025, AOB telah mengambil bahagian dalam mesyuarat pleno dan bengkel tahunan IFIAR, yang menghimpunkan pengawal selia dari seluruh dunia untuk bertukar pandangan mengenai amalan terbaik penyeliaan audit dan cabaran bersama. Perbincangan memberi tumpuan kepada topik kritikal seperti sistem pengurusan kualiti, jaminan kemampanan dan pendekatan audit yang melibatkan teknologi, sekali gus mengukuhkan kepentingan kerjasama global dalam memajukan penyeliaan audit.

Mesyuarat Pleno IFIAR 2025

Mesyuarat pleno telah diadakan di Berlin, Jerman dari 8 hingga 10 April 2025 dan dihadiri oleh wakil daripada 49 bidang kuasa ahli IFIAR. Perbincangan panel memberi tumpuan kepada perkara-perkara berikut:

- Pendekatan pengawalseliaan terhadap firma audit bersaiz kecil di bidang kuasa masing-masing, memandangkan kepentingan mereka dalam audit PIE terus meningkat.
- Jaminan terhadap pelaporan kemampanan, serta bagaimana pengawal selia dapat menyumbang kepada kualiti pelaporan dalam konteks di mana pengalaman dan kemahiran masih perlu dibangunkan dalam syarikat dan firma audit.
- Pendekatan menggunakan kecerdasan buatan (AI) dalam aktiviti pengawalseliaan bagi memastikan pengawalseliaan kekal seiring dengan perkembangan teknologi dalam pasaran.

Bengkel Pemeriksaan IFIAR ke-19

Pada Mac 2025, AOB telah menghadiri bengkel selama tiga hari yang dianjurkan oleh IFIAR dengan kerjasama Majlis Pelaporan Kewangan Mauritius. Hampir 100 peserta daripada pelbagai bidang kuasa turut hadir untuk berkongsi pengetahuan mengenai persekitaran audit yang sedang berkembang, bertukar pengalaman praktikal dalam penyeliaan, memupuk kerjasama dan keseragaman pengawalseliaan, serta menyediakan platform dialog dengan organisasi antarabangsa lain yang berkaitan dengan kualiti audit.

Webinar Pasukan Petugas dan Kumpulan Kerja IFIAR

Selain bengkel pemeriksaan, IFIAR turut mengadakan beberapa sesi webinar sepanjang tahun yang membincangkan isu-isu baharu serta perkembangan berterusan dalam bidang audit dan pemeriksaan, termasuk:

- Pemeriksaan audit berkaitan kripto;
- Penubuhan Pengawasan Jaminan Pelaporan Kemampanan; dan
- Pengenalan kepada penggunaan AI dalam audit dan penyeliaan.

IFIAR merupakan forum global bagi pengawal selia audit bebas untuk bekerjasama serta berkongsi pengetahuan dan pengalaman, dengan tumpuan kepada pemeriksaan juruaudit dan firma audit, ke arah memupuk keseragaman dalam aktiviti pengawalseliaan audit di peringkat global. Pada masa ini, IFIAR mempunyai 56 ahli pengawal selia audit dari Afrika, Amerika Utara dan Selatan, Asia Pasifik, Eropah dan Timur Tengah.

BENGKEL AARG DAN KUMPULAN PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN (FSSG) 2025

Susulan penganjuran bengkel AARG dan FSSG oleh SC pada tahun sebelumnya, AOB terus menyokong penganjuran Bengkel Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN (AARG) dan Kumpulan Pemantau Penyata Kewangan (FSSG) 2025 yang diadakan di Bangkok dari 25 Ogos hingga 27 Ogos 2025.

Wakil-wakil dari Indonesia, Singapura, Malaysia, Thailand dan Filipina telah berhimpun bagi bertukar pandangan mengenai usaha memperkukuh landskap audit dan kawal selia di rantau ini. Dialog tersebut menekankan cabaran serta peluang bersama merentasi empat bidang utama, yang merangkumi:

- Pengukuhan kualiti audit dan amalan penyeliaan;
- Inovasi pengawalseliaan dan kajian kes pemeriksaan;
- Peningkatan permintaan terhadap juruaudit IT; dan
- Penyeliaan pelaporan kewangan.

Bengkel tersebut turut merangkumi sesi bersama Institut Penilai dan Penaksir Singapura (IVAS) mengenai amalan penilaian perniagaan, sesi pertukaran pandangan dengan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan (IESBA) berhubung etika, budaya dan tadbir urus dalam firma audit.

AARG merupakan kumpulan pengawal selia audit dari rantau ini, iaitu AOB, Pusat Pembinaan Profesi Keuangan di Indonesia (PPPK Indonesia), Pihak Berkuasa Kawal Selia Perakaunan dan Korporat Singapura (ACRA Singapura), Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Thailand (SEC Thailand) dan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Filipina (SEC Filipina).

USAHA KOLABORATIF DENGAN PENETAP PIAWAIAN ANTARABANGSA

Usaha kerjasama AOB dengan IESBA dan IAASB mengukuhkan komitmennya untuk menyelaraskan rangka kerja dan piawaian pengawasan audit Malaysia dengan amalan terbaik antarabangsa. Kerjasama ini juga membolehkan perkongsian pengetahuan dan pengalaman, yang akan membantu AOB untuk sentiasa mendahului risiko semasa dan yang sedang muncul.

BUDAYA DAN TADBIR URUS FIRMA IESBA

Pada 28 April 2025, AOB telah memudahcara penganjuran Meja Bulat IESBA mengenai Budaya dan Tadbir Urus Firma di SC sebagai sebahagian daripada proses rundingan awam IESBA bagi projek budaya dan tadbir urus firma. Projek ini bertujuan membangunkan satu rangka kerja yang memupuk, mengekalkan dan mengukuhkan piawaian etika yang tinggi dalam kalangan kepimpinan firma audit, rakan kongsi dan kakitangan merentasi semua bidang perkhidmatan.

Meja Bulat ini menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan, menyediakan satu platform untuk perkongsian pandangan dan pengetahuan yang penting, yang menyumbang secara bermakna kepada pembangunan berterusan rangka kerja budaya dan tadbir urus.

Perbincangan tertumpu kepada elemen-elemen utama rangka kerja ini, seperti berikut:

- Penyeliaan dan tadbir urus
- Insentif dan ganjaran yang sejajar dengan tingkah laku beretika
- Penyediaan input bebas
- Budaya perbincangan terbuka dan cabaran
- Kebertanggungjawaban merentasi seluruh firma
- Ketelusan mengenai prestasi etika firma
- Pendidikan dan latihan berterusan

Budaya yang kukuh dan positif memupuk integriti serta komitmen terhadap pelaporan kewangan berkualiti tinggi, yang merupakan asas dalam mengekalkan kepercayaan pelanggan, pengawal selia dan pasaran modal secara keseluruhan. Selain itu, budaya firma yang positif memainkan peranan penting dalam mengekalkan bakat dan mengurangkan keletihan dalam profesion yang sering menuntut komitmen tinggi. Dengan memupuk nilai seperti ketelusan, kebertanggungjawaban, dan pembelajaran berterusan, firma audit mewujudkan persekitaran kerja di mana kakitangan mempunyai motivasi, berasa disokong, serta diperkasakan untuk menghasilkan kerja berkualiti tinggi. Pendekatan ini seterusnya mengukuhkan kemampanan profesion.

MEJA BULAT IAASB MENGENAI PENGURUSAN KUALITI TEKNOLOGI

Pada 13 Oktober 2025, AOB bersama Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) telah menganjurkan Meja Bulat IAASB mengenai Pengurusan Kualiti Teknologi. Sesi ini memberi tumpuan kepada cara firma audit mengaplikasikan piawaian pengurusan kualiti terhadap teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI) dan analitik data.

Meja bulat tersebut menghimpunkan pengawal selia audit, firma audit, jawatankuasa audit, pelabur, ahli akademik dan pengamal lain dari seluruh rantau Asia Tenggara untuk berkongsi pandangan berharga dan, yang lebih penting, menyelaraskan jangkaan mengenai penggunaan teknologi baharu. Perbincangan merangkumi perkara-perkara berikut:

(a) Pengenalpastian cabaran praktikal dan amalan terbaik yang sedang muncul dalam teknologi, khususnya AI;

(b) Pemahaman tentang cara piawaian pengurusan kualiti IAASB, khususnya ISQM 1 dan ISA 220, diaplikasikan dalam konteks teknologi baharu; dan

(c) Penerokaan pembangunan bahan bukan berautoriti seperti amalan dan panduan bagi memupuk aplikasi piawaian yang konsisten dan berkualiti tinggi dalam teknologi baharu muncul.

Susulan perbincangan meja bulat tersebut, dan mengambil kira risiko serta cabaran ketara yang berkaitan dengan penggunaan teknologi baharu, khususnya AI dalam amalan pengauditan, AOB telah mengeluarkan AOB Alert mengenai Pengurusan Risiko Teknologi untuk Juruaudit pada Disember 2025.

MEMPERKUKUH PENYELIAAN BERKESAN TERHADAP JURUAUDIT DAN PROSES PENGAUDITAN

Hubungan dengan AC PLC terus menjadi tumpuan utama AOB. AC memainkan peranan penting dalam tadbir urus proses pelaporan kewangan, termasuk penyeliaan terhadap juruaudit. Walaupun penerbitan seperti Laporan Pemeriksaan Tahunan AOB dan AOB Alert berkala membantu memaklumkan AC mengenai penemuan serta perkembangan semasa, sesi libat urus secara langsung melalui dialog membolehkan perbincangan yang lebih menyeluruh mengenai isu-isu semasa dalam ekosistem pelaporan kewangan.

Pada tahun 2025, perbincangan AOB bersama jawatankuasa audit (AC) memberi tumpuan kepada pandangan praktikal mengenai pelaksanaan *Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan* (NSRF). Penceramah berkongsi perspektif mengenai:

- Struktur laporan kemampanan.
- Faktor kritikal bagi kejayaan penerapan Piawaian Pendedahan Kemampanan IFRS.
- Cabaran lazim yang dihadapi PLC dalam pelaporan kemampanan

Soalan yang dibangkitkan oleh AC merangkumi aspek seperti implikasi laporan kemampanan, sumber yang tersedia untuk pelaksanaan, serta keperluan jaminan. Pertukaran pandangan ini menekankan kepentingan melibatkan AC bagi menangani kebimbangan dan menyediakan panduan yang menyokong pelaksanaan lancar keperluan NSRF.

AOB kekal komited untuk meneruskan sesi perbincangan dengan AC PLC bagi memastikan mereka dilengkapi maklumat dan pandangan yang relevan dalam melaksanakan tanggungjawab meningkatkan kualiti audit dan memperkukuh keyakinan pelabur.

Perkara Utama untuk Perhatian AC

- Piawaian Pendedahan Kemampanan IFRS, iaitu IFRS S1 dan IFRS S2, menekankan maklumat kewangan berkaitan kemampanan yang merangkumi risiko dan peluang kemampanan dengan tahap keterhubungan yang lebih tinggi kepada penyata kewangan.
- Penambahbaikan pendedahan mengenai kesan risiko dan peluang berkaitan iklim dalam penyata kewangan dijangka berlaku memandangkan laporan kemampanan perlu diterbitkan serentak dengan penyata kewangan berkaitan.
- Laporan kemampanan merupakan dokumen kawal selia, dan pematuhan terhadap keperluannya menuntut keupayaan yang sesuai diwujudkan dalam sesebuah PLC.

Sesi pada 25 November 2025

Dihadiri oleh 628 ahli AC

Susulan sesi Perbualan AOB dengan Jawatankuasa Audit, AOB turut mengambil bahagian dalam satu sesi yang dianjurkan oleh Institut Pengarah Korporat Malaysia untuk AC dan ahli-ahli lembaga. Acara tersebut dihadiri oleh 96 peserta daripada pelbagai industri dan menampilkan pembentangan serta sesi panel yang dikendalikan oleh Alex Ooi Thiam Poh, Pengarah Eksekutif AOB.

Sorotan utama merangkumi perkembangan terkini mengenai program pemeriksaan AOB, pemerhatian terhadap penemuan lazim dalam tugasan audit, serta penekanan terhadap peranan kritikal AC dalam menangani risiko audit dan memelihara kebebasan juruaudit. AOB turut mengetengahkan amalan terbaik bagi menilai kebebasan juruaudit dan memperkukuh proses tadbir urus.

Sesi pada 23 Oktober 2025

Dihadiri oleh 96 ahli lembaga

MEMBANGUNKAN RANGKA KERJA JAMINAN KEMAMPANAN YANG KUKUH

Pada September 2024, Jawatankuasa Penasihat Pelaporan Kemampanan (ACSR) telah melancarkan Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan (NSRF). Menyedari keperluan kritikal untuk meningkatkan keyakinan pelabur terhadap kredibiliti dan kebolehpercayaan pendedahan berkaitan kemampanan, ACSR kemudiannya menubuhkan Kumpulan Kerja Jaminan Kemampanan (SAWG) pada tahun 2025. SAWG dipengerusikan oleh AOB dan telah diberikan mandat untuk membangunkan Rangka Kerja Jaminan Kemampanan (Rangka Kerja), yang akan menjadi komponen penting dalam memperkukuh kualiti keseluruhan maklumat kemampanan.

SAWG dianggotai oleh wakil daripada ahli-ahli ACSR, firma rangkaian Jawatankuasa Dasar Awam Global (GPPC) di Malaysia serta MIA. Aktiviti utama SAWG bagi tahun 2025 digambarkan dalam Rajah 1.

RAJAH 1



[1] *Firma rangkaian GPPC terdiri daripada BDO, Deloitte, EY, Grant Thornton, KPMG dan PwC.*

Kertas rundingan awam mengenai cadangan Rangka Kerja tersebut telah dikeluarkan oleh ACSR pada 25 Jun 2025, dengan tempoh rundingan awam selama enam minggu. Elemen utama cadangan Rangka Kerja tersebut digambarkan dalam Rajah 2.

RAJAH 2
Elemen Utama Cadangan Rangka Kerja

Sepanjang tempoh rundingan awam, AOB telah berinteraksi dengan wakil kanan daripada lima penyedia jaminan kemampanan bukan perakaunan yang beroperasi di Malaysia. Libat urus ini bertujuan mendapatkan gambaran mengenai amalan jaminan kemampanan semasa, keupayaan teknikal, cabaran yang dihadapi serta tahap kesiapsiagaan mereka untuk mematuhi cadangan Rangka Kerja tersebut.

Rundingan awam ini telah menerima 91 maklum balas daripada syarikat tersenarai awam, firma audit, penyedia jaminan kemampanan bukan perakaunan, badan profesional dan pelabur institusi. Maklum balas yang diterima menunjukkan sokongan meluas terhadap pembangunan rangka kerja jaminan yang kukuh, di samping menekankan pertimbangan praktikal berkaitan pelaksanaan, pembangunan kapasiti dan tahap kesiapsiagaan pasaran bagi jaminan kemampanan.

Rangka Kerja yang dicadangkan kini berada pada peringkat pemuktamadan, dengan ACSR sedang menilai maklum balas yang diterima daripada pihak berkepentingan, menangani isu-isu utama yang dibangkitkan serta memperhalusi Rangka Kerja tersebut bagi memastikan keteguhannya dan keupayaannya mencapai hasil pengawalseliaan yang dihasratkan.

AOB ALERT
TO AUDITORS AND AUDIT COMMITTEES DEC 2025

Connecting Sustainability-related Financial Disclosures to Financial Statements

Overview of National Sustainability Reporting Framework

ISSB standards mandating alignment with financial statements

Dalam edisi Disember 2025 *AOB Alert to Audit Committees and Auditors* bertajuk *Connecting Sustainability-related Financial Disclosures to Financial Statements,* AOB telah menekankan bidang tumpuan utama bagi pengarah dan juruaudit entiti PIE dalam melaksanakan tanggungjawab mereka untuk menghubungkan pelaporan kemampanan dengan pelaporan kewangan.

The AOB's Oversight Activities - December 2025

USAHA PEMBANGUNAN KAPASITI DAN KOLABORASI

Hasil yang dihasratkan daripada aktiviti penyeliaan AOB ialah memastikan firma audit melaksanakan audit berkualiti secara konsisten melalui pembinaan kapasiti berterusan dan rangka kerja kualiti audit yang berkesan. Inisiatif pembinaan kapasiti untuk profesion merupakan salah satu bidang tumpuan penting AOB. AOB memanfaatkan wang yang dikutip daripada penalti yang dikenakan untuk menyokong pelaksanaan inisiatif pembinaan kapasiti bagi profesion perakaunan dan pengauditan. Walaupun tindakan penguatkuasaan AOB berfungsi sebagai isyarat tegas kepada juruaudit mengenai kepentingan mengekalkan kualiti audit, AOB turut mengambil kira cabaran yang dihadapi firma audit dalam aspek pembinaan kapasiti. Sehubungan itu, AOB menggunakan wang penalti yang dikutip daripada juruaudit untuk memudahcara inisiatif pembangunan kapasiti bagi profesion.

LIBAT URUS DENGAN KEPIMPINAN FIRMA AUDIT

Libat urus berterusan dengan kepimpinan firma audit berdaftar membolehkan AOB memastikan bahawa kualiti audit kekal sebagai keutamaan utama.

Sesi perbualan secara individu menyediakan ruang untuk perkongsian pandangan dan cabaran yang dihadapi juruaudit secara terbuka. Ia juga membolehkan AOB membuat keputusan sama ada intervensi pengawalseliaan diperlukan serta menilai semula bidang keutamaan AOB.

Pengerusi SC, Dato' Mohammad Faiz Azmi turut berkongsi pandangannya mengenai pelaporan kemampanan dan keperluan jaminan kemampanan bagi meningkatkan kebolehpercayaan maklumat berkaitan kemampanan. Profesion turut dimaklumkan mengenai keperluan untuk memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti dan memperluas keupayaan bagi menyokong amalan mampan syarikat serta menyediakan perkhidmatan jaminan terhadap maklumat kemampanan.

AOB turut berkongsi penemuan dan pemerhatian utama daripada semakan firma audit dan tugasan semasa pemeriksaan tahunan firma audit dan juruaudit individu. Selain itu, terdapat juga kemas kini mengenai inisiatif AOB yang merangkumi pengenalan prinsip tadbir urus bagi firma audit, penambahbaikan terhadap pelaporan ketelusan tahunan serta cadangan untuk memasukkan keperluan tender audit di bawah *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.*

Perbualan AOB bersama Firma Audit Utama dan Firma Audit Lain dilaksanakan pada 27 Oktober 2025

Dihadiri oleh 81 juruaudit kanan daripada kepimpinan firma audit PLC

MEMBANGUNKAN KEUPAYAAN JURUAUDIT BERDAFTAR AOB MELALUI KOLABORASI DENGAN INSTITUT AKAUNTAN AWAM BERTAULIAH MALAYSIA

Pada tahun 2025, AOB dengan kerjasama MICPA telah menganjurkan bengkel bertajuk *'Practical Insights into Root Cause Analysis'*. Bengkel ini dianjurkan sebagai pengiktirafan terhadap kepentingan menangani penemuan pemeriksaan dengan mengenal pasti dan memperbetulkan punca asas sesuatu isu bagi mengelakkan berulangnya kelemahan yang sama.

Di bawah ISQM 1, analisis punca asas membantu firma audit memahami tahap keseriusan dan skop kekurangan yang dikenal pasti, serta membimbing mereka dalam mengambil tindakan khusus untuk menangani dan mencegah isu tersebut. Bengkel ini bertujuan menekankan kepentingan program analisis punca asas yang mencabar secara menyeluruh, termasuk perbincangan kajian kes bagi menggambarkan penilaian komprehensif terhadap kekurangan sebelum menentukan punca sebenar. Matlamat bengkel kolaboratif ini adalah untuk membangunkan akauntan profesional yang mampu memperkukuh kualiti audit dengan memberi pertimbangan sewajarnya terhadap kelemahan dalam proses atau kawalan dalaman yang memerlukan penambahbaikan.

AOB turut menganjurkan sesi perkongsian oleh Jawatankuasa Semakan Penyata Kewangan (FSRC) MICPA mengenai hasil aktiviti mereka sepanjang tahun 2025. Bertajuk *'Evolving Financial Reporting Landscape: Insights into MFRS and Sustainability in Practice'*, sesi ini bertujuan berkongsi dapatan yang dikenal pasti oleh MICPA daripada semakan keperluan pendedahan penyata kewangan syarikat PLC terpilih di Malaysia.

Perkongsian lanjut turut memberi tumpuan kepada MFRS 18 *'Presentation and Disclosure in Financial Statements'*, yang akan berkuat kuasa bagi tempoh pelaporan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2027.

Sesi diadakan antara September hingga November 2025

Dihadiri oleh 170 juruaudit dan kakitangan audit

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.

PENYATA

AHLI LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

DATO' SERI AHMAD JOHAN MOHAMMAD RASLAN

ALEX OOI THIAM POH

HONG CHIN PHENG

DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ

SALMAH BEE MOHD MYDIN

YM TUNKU AFWIDA BINTI TUNKU ABDUL MALEK

Nota:
Seri Izriani Melani Mohtar dilantik sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 6 Februari 2026.

Imbas kod QR untuk maklumat lebih lanjut mengenai Ahli Lembaga Pemantauan Audit

Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan
Dilantik sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 1 Disember 2020
Penetapan semula sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif pada 5 Januari 2026

Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan merupakan Pengerusi Eksekutif PwC Malaysia dari 2004 hingga 2012, sebelum beliau bersara daripada firma tersebut.

Dato' Seri Johan telah memegang beberapa jawatan kerajaan, termasuk Pengerusi Rangka Kerja Pelaporan Kewangan (FRF) dari 2003 hingga 2009, ahli Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan Bank Negara Malaysia dari tahun 2009 hingga 2012, serta ahli Penel Penasihat Antarabangsa Labuan FSA dari tahun 2004 hingga 2012.

Dalam tadbir urus korporat, Dato' Seri Johan telah membantu SC melancarkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) yang pertama ke pasaran pada tahun 2000. Sejak itu, beliau turut terlibat dalam penggubalan beberapa versi MCCG yang terkemudian.

Pada masa ini, Dato' Seri Johan merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas di Sime Darby Property Bhd dan YTL Digital Bank Bhd. Beliau kini juga merupakan ahli lembaga pengarah Institut Pengarah Korporat Malaysia. Beliau merupakan Felo Eisenhower.

Dato' Seri Johan memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dalam Ekonomi dan Perakaunan dari University of Hull, UK. Beliau ialah Felo ICAEW serta ahli MIA dan MICPA. Dato' Seri Johan berkhidmat sebagai Presiden MICPA dari tahun 2011 hingga 2012.

Alex Ooi Thiam Poh
Dilantik sebagai Pegawai Eksekutif pada 24 November 2017

Alex Ooi kini merupakan Pengarah Eksekutif SC yang bertanggungjawab sebagai Pegawai Eksekutif AOB.

Alex terlibat dalam Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan, Lembaga Piawaian Etika dan Lembaga Pendidikan Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau juga berkhidmat sebagai Penasihat kepada Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia serta mewakili SC sebagai ahli dalam Jawatankuasa Pelesenan Audit di Kementerian Kewangan Malaysia. Beliau merupakan bekas Ahli Majlis MIA.

Alex ialah ahli Kumpulan Kerja Pelabur dan Pemegang Berkepentingan Lain Forum Antarabangsa Pengawal Selia Audit Bebas serta Pasukan Petugas Jaminan Kemampanan. Beliau juga kini merupakan ahli Pusat Kecemerlangan Etika dan Piawaian Profesional CPA Australia. Beliau sebelum ini merupakan Presiden Divisyen Malaysia CPA Australia pada tahun 2013 dan 2014. Beliau merupakan bekas ahli Lembaga Penasihat Amalan Awam CPA Australia di Melbourne, Australia.

Alex ialah Akauntan Bertauliah MIA, Felo CPA Australia, serta ahli Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales (ICAEW) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan) dari Monash University, Australia.

Hong Chin Pheng
Dilantik sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 11 Oktober 2022

Hong Chin Pheng memiliki ijazah dalam perakaunan dan merupakan ahli MIA serta MICPA. Beliau mempunyai lebih 25 tahun pengalaman penyeliaan di Bank Negara Malaysia (BNM). Dalam peranan beliau sekarang sebagai Pengarah Jabatan Penyeliaan Konglomerat Kewangan, beliau bertanggungjawab terhadap penyeliaan berhemat kumpulan perbankan domestik. Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) serta mewakili BNM dalam Aliran Kerja Penyeliaan Rangkaian Bank Pusat dan Penyelia untuk Menghijaukan Sistem Kewangan (NGFS).

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz
Dilantik sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 1 Januari 2020

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sebelum pelantikan beliau sebagai CEO pada 1 Mei 2020, beliau merupakan Timbalan CEO bagi Kawal Selia dan Penguatkuasaan dan seterusnya menyandang jawatan sebagai Timbalan CEO Perkhidmatan Korporat antara tahun 2016 hingga 2020. Beliau menyertai SSM sebagai Pengurus Besar Jabatan Dasar Korporat, Perancangan dan Pembangunan pada tahun 2003. Kerjaya beliau bermula pada tahun 1992 sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara dan seterusnya berkhidmat sebagai Pensyarah Undang-Undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Semasa berkhidmat di UKM, beliau telah dipinjamkan ke Jabatan Kawal Selia dan Piawaian MIA pada Julai 2000.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam inisiatif reformasi undang-undang dan telah menyelia pembangunan perundangan penting di bawah bidang kuasa SSM, antaranya Akta Syarikat 2016, Akta Skim Kepentingan 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan Akta Syarikat (Pindaan) 2007. Beliau kini merupakan Ahli Lembaga AOB, Ahli Lembaga Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB), Ahli Lembaga Yayasan Pelaporan Kewangan (FRF), Ahli Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), Ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), serta Ahli Jawatankuasa Eksekutif Corporate Registers Forum (CRF), iaitu sebuah persatuan pendaftar korporat antarabangsa dan Profesor Adjung di UKM.

Datuk Nor Azimah memperoleh ijazah undang-undang (LL.B) dari Institut Teknologi MARA (kini Universiti Teknologi MARA atau UiTM) dan Ijazah Sarjana Undang-Undang (LL.M dalam Undang-Undang Perniagaan) dari Universiti Aberystwyth, United Kingdom.

Salmah Bee Mohd Mydin
Dilantik sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 1 Januari 2020

Salmah Bee Mohd Mydin merupakan bekas Pengarah Eksekutif Pembangunan Pasaran di SC. Sepanjang kerjaya yang cemerlang lebih daripada 30 tahun di SC, beliau memegang pelbagai jawatan kanan dalam kedua-dua fungsi pengawalseliaan dan pembangunan pasaran.

Dalam bidang pengawalseliaan, Salmah membina kepakaran melalui penglibatannya dalam beberapa siasatan besar, termasuk kes manipulasi pasaran dan dagangan orang dalam.

Beliau seterusnya mengetuai fungsi Kebenaran dan Pelesenan, sebelum mengambil peranan kepimpinan dalam fungsi penyeliaan SC, di mana beliau bertanggungjawab ke atas pemantauan terhadap pengantara pasaran modal berlesen.

Dalam kapasiti pembangunan pasaran, Salmah bertanggungjawab terhadap perumusan dasar merentasi bidang-bidang utama seperti kewajaran terhadap peraturan, kemampanan dan tadbir urus korporat selain daripada fokus utama bagi SC, iaitu industri pengurusan pelaburan dan modal teroka. Fokus utama ini bertumpukan kepada pembentukan rangka kerja regulatori dan inisiatif yang bertujuan untuk mengukuhkan kecekapan dan kerancakan pasaran, serta daya saing global pasaran modal Malaysia.

YM Tunku Afwida binti Tunku Abdul Malek
Dilantik sebagai Ahli Bukan Eksekutif pada 1 September 2025

YM Tunku Afwida telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam sektor perbankan pelaburan. Beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengarah Eksekutif (ED) Kenanga Investment Bank Bhd dari tahun 2006 hingga 2008. Sebelum itu, beliau merupakan CEO dan ED MIMB Investment Bank Bhd (kini dikenali sebagai Hong Leong Investment Bank Bhd) dari tahun 2003 hingga 2006. Antara tahun 1995 dan 2003, beliau memegang jawatan ED/Ketua Pegawai Pelaburan di Commerce Asset Fund Managers Sdn Bhd.

YM Tunku Afwida juga pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Affin Hwang Investment Bhd dari Mei 2022 hingga Mei 2025. Beliau turut berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Kanan Telekom Malaysia Bhd sebelum bersara pada Mei 2024.

Pada masa ini, beliau merupakan Ahli Lembaga ENRA Group Bhd, SAM Engineering & Equipment (M) Bhd, DXN Holdings Bhd serta ahli panel pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

YM Tunku Afwida memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Ekonomi dan Perakaunan dari City University London, United Kingdom, bertauliah sebagai Akauntan Bertauliah dari ICAEW dan merupakan ahli MIA.

PENYATAAN TADBIR URUS

Ahli Lembaga

Lembaga AOB terdiri daripada Pengerusi Bukan Eksekutif, Pegawai Eksekutif, dan lima orang Ahli Bukan Eksekutif lain yang dilantik oleh SC. Ahli Bukan Eksekutif merupakan wakil daripada pengawal selia iaitu BNM dan SSM, profesion perundangan, profesion pengauditan dan sektor swasta. Pegawai Eksekutif bertanggungjawab ke atas pentadbiran harian AOB.

Pengerusi Bukan Eksekutif AOB dilantik untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun manakala Ahli Bukan Eksekutif Lembaga dilantik untuk tempoh dua tahun. Pengerusi Bukan Eksekutif dan Ahli-ahli Bukan Eksekutif layak untuk lantikan semula setelah tamat tempoh perkhidmatan mereka.

Seseorang akan hilang kelayakan untuk memegang jawatan ahli Lembaga AOB sekiranya beliau–

- disabitkan atas suatu kesalahan di bawah undang-undang;
- diisytiharkan muflis;
- gagal menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran; atau
- tidak mampu menjalankan tugasnya.

SCMA menghendaki ahli Lembaga untuk menguruskan konflik kepentingan dengan menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga. Setelah penzahiran dibuat, beliau–

- tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam sebarang perbincangan atau keputusan Lembaga atau jawatankuasanya; dan
- tidak boleh diambil kira bagi maksud membentuk korum Lembaga atau jawatankuasanya yang berkaitan dengan perkara tersebut.

Tanggungjawab Lembaga

Lembaga AOB bertanggungjawab membantu SC dalam melaksanakan fungsinya di bawah SCMA. Tanggungjawab Lembaga dinyatakan dalam Rajah 1.

RAJAH 1
Tanggungjawab Lembaga

- Melaksanakan dasar dan program bagi memastikan sistem pemantauan audit yang berkesan di Malaysia
- Mendaftar atau mengiktiraf juruaudit PIE atau kumpulan wang jadual
- Mengarahkan MIA supaya menubuhkan atau menerima pakai, atau melalui kedua-duanya, piawaian pengauditan dan etika yang perlu diguna pakai oleh juruaudit
- Menjalankan pemeriksaan dan program pemantauan ke atas juruaudit berdaftar untuk menilai tahap pematuhan piawaian pengauditan dan etika
- Mengenakan sekatan yang bersesuaian terhadap juruaudit berdaftar yang gagal mematuhi piawaian pengauditan dan etika
- Bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan dalam merumuskan dan melaksanakan strategi bagi peningkatan standard pendedahan kewangan PIE atau kumpulan wang jadual
- Berhubung dan bekerjasama dengan badan pemantauan di luar Malaysia untuk meningkatkan kedudukan profesion pengauditan di Malaysia dan peringkat antarabangsa
- Menjalankan pemeriksaan ke atas individu yang menyediakan laporan berhubung maklumat kewangan PIE atau kumpulan wang jadual, berkaitan dengan aktiviti pasaran modal
- Menjalankan tugas atau fungsi lain yang perlu atau sesuai untuk menggalakkan standard profesional yang tinggi bagi juruaudit berdaftar dan menambah baik kualiti perkhidmatan pengauditan yang disediakan oleh juruaudit berdaftar

Mesyuarat Lembaga

Terdapat 10 mesyuarat Lembaga yang diadakan pada tahun 2025. Kuorum yang diperlukan ialah tiga orang ahli hadir ke mesyuarat. Rekod kehadiran ahli Lembaga dinyatakan dalam Jadual 1

JADUAL 1
Kehadiran Mesyuarat Lembaga

Ahli Lembaga	Bil. Mesyuarat yang Dihadiri
Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan *(ditetapkan semula sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif pada 5 Januari 2026)*	10/10
Tan Sri Abu Samah Nordin *(jawatan sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif berakhir pada 4 Januari 2026)*	10/10
Alex Ooi Thiam Poh	10/10
Hong Chin Pheng	9/10
Datuk Nor Azimah Abdul Aziz	9/10
Salmah Bee Mohd Mydin	10/10
Dato' Noorazman Abd Aziz *(tamat tempoh pada 31 Julai 2025)*	5/6
YM Tunku Afwida Tunku Abdul Malek (*dilantik pada 1 Ogos 2025)*	2/4
Seri Izriani Melani Mohtar *(dilantik pada 6 Februari 2026)*	-

Jawatankuasa AOB

Jawatankuasa Pendaftaran ditubuhkan untuk membincangkan hal-hal berkaitan dengan pendaftaran atau pengiktirafan juruaudit dengan AOB. Sekiranya diperlukan, Jawatankuasa Pendaftaran akan membuat saranan kepada Lembaga mengenai perkara yang memerlukan pertimbangan dan keputusan selanjutnya.

Berikut adalah ahli-ahli Jawatankuasa Pendaftaran:

- Tan Sri Abu Samah Nordin (bersara pada 4 Januari 2026)
- Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan (dilantik pada 5 Januari 2026)
- Alex Ooi Thiam Poh
- Hong Chin Pheng

Struktur Organisasi



Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.

PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
ASET SEMASA			
Pelbagai penghutang	4	30,312	22,644
Pelaburan lain	5	1,519,966	1,967,649
Tunai dan setara tunai	6	1,979,306	796,321
		3,529,584	2,786,614
TOLAK: LIABILITI SEMASA			
Pelbagai pemiutang dan akruan	7	(2,071,223)	(1,145,744)
ASET SEMASA BERSIH		1,458,361	1,640,870
DIWAKILI OLEH:			
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia		50,308,438	46,571,438
Defisit terkumpul	8	(48,850,077)	(44,930,568)
		1,458,361	1,640,870

Nota-nota di muka surat 52 hingga 61 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

DATO' MOHAMMAD FAIZ BIN MOHAMMAD AZMI
PENGERUSI
SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

OOI THIAM POH
PEGAWAI EKSEKUTIF
LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

29 Januari 2026

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Nota	2025 RM	2024 RM
Yuran pendaftaran		3,304,000	3,296,000
Pendapatan kewangan		145,772	111,498
Pendapatan penalti		423,750	275,000
		3,873,522	3,682,498
Perbelanjaan pentadbiran	9	(7,793,031)	(9,056,911)
Defisit sebelum cukai		(3,919,509)	(5,374,413)
Perbelanjaan cukai	10	-	-
Defisit dan jumlah kerugian komprehensif bagi tahun kewangan		(3,919,509)	(5,374,413)

Nota-nota di muka surat 52 hingga 61 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia RM	Defisit terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2024	42,516,438	(39,556,155)	2,960,283
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	4,055,000	-	4,055,000
Defisit dan jumlah kerugian komprehensif bagi tahun kewangan	-	(5,374,413)	(5,374,413)
Pada 31 Disember 2024 / 1 Januari 2025	46,571,438	(44,930,568)	1,640,870
Dana daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	3,737,000	-	3,737,000
Defisit dan jumlah kerugian komprehensif bagi tahun kewangan	-	(3,919,509)	(3,919,509)
Pada 31 Disember 2025	50,308,438	(48,850,077)	1,458,361

Nota-nota di muka surat 52 hingga 61 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	2025 RM	2024 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Defisit sebelum cukai	(3,919,509)	(5,374,413)
Pelarasan untuk:		
Pendapatan kewangan	(145,772)	(111,498)
DEFISIT OPERASI SEBELUM PERUBAHAN DALAM MODAL KERJA	(4,065,281)	(5,485,911)
Perubahan dalam modal kerja:		
Pelbagai penghutang	(4,714)	-
Pelbagai pemiutang dan akruan	925,479	500,147
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI OPERASI	(3,144,516)	(4,985,764)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Faedah diterima	142,818	127,045
Pergerakan dalam deposit tetap di bank berlesen	447,683	1,158,123
TUNAI BERSIH DIPEROLEHI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN	590,501	1,285,168
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN		
Dana diterima daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	3,737,000	4,055,000
TUNAI BERSIH DIPEROLEHI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN	3,737,000	4,055,000
PERGERAKAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI	1,182,985	354,404
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 1 JANUARI	796,321	441,917
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 31 DISEMBER	1,979,306	796,321

Nota-nota di muka surat 52 hingga 61 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

1 MAKLUMAT UMUM

Pada 1 April 2010, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) menubuhkan Lembaga Pemantauan Audit (AOB) di bawah seksyen 31C dalam *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA). AOB ditubuhkan bagi tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 31B dalam SCMA, iaitu:

a) Untuk menggalakkan dan membangunkan kerangka kerja pemantauan audit yang efektif dan teguh di Malaysia;
b) Untuk meningkatkan keyakinan dalam kualiti dan keandalan penyata kewangan teraudit di Malaysia;
c) Untuk mengawal selia juruaudit bagi entiti berkepentingan awam dan kumpulan wang jadual; dan
d) Untuk menjalankan pemantauan ke atas mana-mana orang yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan, yang dikehendaki untuk dikemukakan di bawah undang-undang sekuriti, garis panduan yang dikeluarkan oleh SC atau kaedah-kaedah bursa saham, oleh suatu:
   (i) entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual;
   (ii) entiti bukan berkepentingan awam yang memohon kelulusan untuk menjadi suatu syarikat awam tersenarai atau suatu perbadanan disenaraikan di bursa saham; atau
   (iii) kumpulan wang tidak berjadual yang memohon kelulusan untuk menjadi suatu kumpulan wang jadual.

Untuk memudah cara tujuan yang dinyatakan di atas, sebuah dana, Dana AOB telah ditubuhkan di bawah seksyen 31H SCMA. Dana AOB ini ditadbir oleh SC. SC memberikan sokongan pentadbiran dan perakaunan kepada Dana AOB dan menyediakan akaun yang berasingan daripada akaun SC menurut seksyen 31L(5) SCMA. SC akan terus menyediakan sokongan kewangan kepada AOB untuk masa depan yang boleh dijangka.

2 ASAS PENYEDIAAN

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan AOB telah disediakan menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* (MFRS) dan menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa* (IFRS).

(i) Pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan yang telah dikuatkuasakan

AOB telah mengguna pakai pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan yang dinyatakan di bawah buat kali pertama bagi tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2025:

- Pindaan ke atas MFRS 121 'Kekurangan pertukaran'.

(ii) Piawaian baharu dan pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan tetapi masih belum dikuatkuasakan

Piawaian baharu, pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan dan penambahbaikan tahunan yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan bermula pada dan selepas 1 Januari 2026 dinyatakan di bawah:

- Pindaan ke atas MFRS 9 dan MFRS 7 'Pindaan ke atas Pengelasan dan Pengukuran Instrumen Kewangan' 'Pindaan ke atas Kontrak yang Merujuk kepada Elektrik Bergantung kepada Alam Semula Jadi' (tarikh kuat kuasa 1 Januari 2026).
- Penambahbaikan Tahunan MFRS (Pindaan ke atas MFRS 1 'Penerimaan Pakai Pertama Kali ke atas Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia', Pindaan ke atas MFRS 7 'Instrumen Kewangan: Pendedahan', Pindaan ke atas MFRS 9 'Instrumen Kewangan', Pindaan ke atas MFRS 10 'Penyata Kewangan disatukan' dan Pindaan ke atas MFRS 107 'Penyata Aliran Tunai' (tarikh kuat kuasa 1 Januari 2026).
- MFRS 18 'Pembentangan dan Pendedahan Penyata kewangan (tarikh kuat kuasa 1 Januari 2027).
- Pindaan ke atas MFRS121 'Terjemahan kepada Mata Wang Pembentangan Hiperinflasi' (tarikh kuat kuasa 1 Januari 2027).

Piawaian baharu, pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan dan penambahbaikan tahunan tersebut akan terpakai pada tarikh kuat kuasa masing-masing. AOB sudah memulakan pentaksiran awal atas kesan piawaian baharu, pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan dan penambahbaikan tahunan dan kesannya masih dalam penilaian.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan ini disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali yang dinyatakan dalam Nota 3.

(c) Mata wang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsi AOB. Semua maklumat kewangan dinyatakan dalam RM, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan dalam pematuhan dengan MFRS memerlukan pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang menjejaskan pemakaian dasar perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Penyemakan anggaran perakaunan dikira dalam tempoh yang anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang berkenaan.

Tidak terdapat perkara ketidakpastian ketara pada anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ke atas amaun yang dikira dalam penyata kewangan.

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

Maklumat dasar perakaunan material didedahkan dalam nota masing-masing kepada penyata kewangan jika berkaitan.

Dasar perakaunan berikut dinyatakan di bawah telah diguna secara konsisten dalam tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, dan telah diguna secara konsisten oleh AOB, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(a) Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, AOB menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Aset kewangan (melainkan jika adalah penghutang perdagangan tanpa komponen pembiayaan penting) atau liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama tambah atau tolak, untuk item yang tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan atau terbitannya. Penghutang perdagangan tanpa komponen pembiayaan penting pada awalnya diukur pada harga transaksi.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya

Aset kewangan

Kategori aset kewangan ditentukan berdasarkan pengiktirafan awal dan tidak dikelaskan semula selepas pengiktirafan awalnya melainkan AOB mengubah model perniagaannya untuk menguruskan aset kewangan dan terma kontraktual aliran tunai yang mana semua aset kewangan yang terlibat diklasifikasikan semula pada hari pertama tempoh pelaporan pertama berikutan perubahan daripada model perniagaan. AOB mengklasifikasikan aset kewangannya pada kos terlunas.

Kos terlunas

Kategori kos terlunas terdiri daripada instrumen kewangan yang dipegang dalam model perniagaan di mana objektif adalah untuk memegang aset bagi mengumpul aliran tunai kontraktual dan terma kontraknya menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan. Berikutan pengiktirafan awal, aset kewangan ini diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan. Kos yang dilunaskan dikurangkan dengan kerugian kemerosotan nilai. Pendapatan faedah, kemerosotan nilai dan sebarang keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pendapatan kewangan diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan kepada jumlah bawaan kasar kecuali bagi aset kewangan terjejas kredit (lihat Nota 3(c)) di mana kadar faedah berkesan digunakan untuk kos yang dilunaskan.

Liabiliti kewangan

Kos terlunas

Liabiliti kewangan tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Perbelanjaan faedah adalah diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan turut diiktiraf dalam untung atau rugi.

(iii) Pembatalan pengiktirafan

Aset kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan telah dipindahkan kepada pihak lain tanpa pengekalan kawalan atau sebahagian besar semua risiko dan manfaat aset tersebut. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan diantara nilai dibawa dan jumlah pembayaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak sebarang liabiliti baru berkait) diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Liabiliti kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, tanggungjawab yang dikhususkan di dalam kontrak telah disempurnakan, dibatalkan atau tamat tempoh. Suatu liabiliti kewangan juga tidak diiktiraf sekiranya terma-termanya diubahsuai dan aliran tunai liabiliti yang diubahsuai adalah sangat berbeza, di mana liabiliti kewangan baharu berdasarkan terma yang diubahsuai diiktiraf pada nilai saksama. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan penjelasan dibayar, termasuk aset bukan tunai dipindah atau liabiliti berkait, diiktiraf dalam untung atau rugi.

(iv) Mengofset

Aset kewangan dan liabiliti kewangan akan diofset dan jumlah bersih dibentangkan di penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, AOB mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengofset jumlah tersebut, sama ada untuk menyelesaikannya secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

(b) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada baki dan simpanan di bank yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai dengan tempoh matang yang asal diantara 3 bulan atau kurang dan digunakan oleh AOB untuk menguruskan penglibatan jangka pendek.

(c) Rosot nilai

Aset kewangan

AOB mengiktiraf elaun kerugian yang dijangka kerugian kredit ke atas aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan. Kerugian kredit yang dijangkakan adalah anggaran wajaran kerugian kredit.

AOB mengukur elaun kerugian pada jumlah yang sama dengan jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat, kecuali tunai dan setara tunai yang mana risiko kredit tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, yang mana diukur pada jangkaan kerugian kredit selama 12 bulan.

Apabila menentukan sama ada risiko kredit aset kewangan meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal dan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan, AOB menimbangkan maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang relevan dan tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Ini termasuk maklumat dan analisis kuantitatif dan kualitatif, berdasarkan pengalaman sejarah AOB dan penilaian kredit yang dimaklumkan dan termasuk maklumat berpandangan ke hadapan, jika ada.

Kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat adalah kerugian kredit yang dijangkakan yang disebabkan oleh semua kemungkinan peristiwa ingkar sepanjang jangkaan hayat aset tersebut, manakala kerugian kredit dijangka selama 12 bulan adalah sebahagian daripada kerugian kredit yang dijangkakan yang terhasil daripada peristiwa lalai yang mungkin dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan. Tempoh maksimum yang dipertimbangkan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan adalah tempoh kontrak maksimum yang mana AOB terdedah kepada risiko kredit.

Kerugian rosot nilai berkaitan dengan aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan diiktiraf dalam untung atau rugi dan amaun dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Pada setiap tarikh pelaporan, AOB menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan adalah kredit terjejas. Aset kewangan adalah kredit terjejas apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Jumlah bawaan kasar aset kewangan dihapus kira (sama ada sebahagian atau penuh) setakat bahawa tiada prospek pemulihan realistik. Ini biasanya berlaku apabila AOB menentukan bahawa penghutang tidak mempunyai aset atau sumber pendapatan yang boleh menghasilkan aliran tunai yang mencukupi untuk membayar balik jumlah yang tertakluk kepada penolakan itu. Walau bagaimanapun, aset kewangan yang dihapuskan masih boleh tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan untuk mematuhi prosedur AOB untuk pemulihan jumlah yang perlu dibayar.

Semua aset kewangan, kecuali aset yang diniilai saksama melalui untung atau rugi tertakluk kepada rosot nilai.

(d) Yuran pendaftaran

Yuran pendaftaran diperakui pada suatu masa apabila pendaftaran juruaudit didaftarkan.

(e) Pendapatan kewangan

Pendapatan kewangan diiktiraf apabila terakru dengan menggunakan kaedah keuntungan berkesan dalam untung atau rugi.

(f) Pendapatan penalti

Pendapatan penalti atas juruaudit yang gagal mematuhi apa-apa peruntukan atau syarat yang dikenakan di bawah Bahagian IIIA – Lembaga Pemantauan Audit SCMA. Pendapatan penalti yang diperakui pada suatu masa menurut seksyen 31Z SCMA di mana AOB mengenakan penalti monetari terhadap juruaudit kerana gagal mematuhi syarat pendaftaran AOB. Amaun penalti adalah terhad dan akan digunakan bagi perancangan dan pelaksanaan program pembinaan keupayaan yang berkaitan dengan profesyen perakaunan dan pengauditan.

(g) Manfaat kakitangan

Manfaat kakitangan jangka pendek

Obligasi manfaat kakitangan jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan dan cuti sakit, caruman kepada pertubuhan keselamatan sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Skim Persaraan Swasta (PRS) caruman berbayar diukur tanpa diskaun dan dikira sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan berkaitan .

Liabiliti diiktiraf bagi amaun yang dijangka akan dibayar jika AOB mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar amaun ini disebabkan oleh perkhidmatan lampau yang diberikan oleh kakitangan dan obligasi tersebut dapat dianggar dengan andal.

4 PELBAGAI PENGHUTANG

	2025 RM	2024 RM
Prabayaran	4,714	-
Pendapatan kewangan belum terima	25,598	22,644
	30,312	22,644

5 PELABURAN LAIN

Pelaburan lain adalah berkaitan dengan deposit yang diletakkan dengan bank berlesen yang mempunyai tempoh kematangan antara 6 bulan hingga 12 bulan (2024: 6 bulan) dan memperoleh pendapatan pada kadar daripada 2.20% hingga 3.75% (2024: 2.50% - 2.80%) setahun.

Deposit tersebut adalah daripada wang yang diterima daripada penalti yang dikenakan oleh AOB. Wang tersebut dihadkan untuk kegunaan merancang dan melaksanakan program pembinaan upaya berhubung dengan profesion perakaunan dan pengauditan.

6 TUNAI DAN SETARA TUNAI

	2025 RM	2024 RM
Tunai dan baki di bank	468,660	796,321
Deposit di bank berlesen	1,510,646	-
	1,979,306	796,321

Deposit di bank berlesen mempunyai tempoh kematangan 3 bulan dan memperoleh pendapatan pada kadar 3.25% setahun.

7 PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2025 RM	2024 RM
Yuran pendaftaran prabayar	504,000	672,000
Pelbagai pemiutang dan akruan	1,567,223	473,744
	2,071,223	1,145,744

8 DEFISIT TERKUMPUL

Defisit terkumpul merangkumi pendapatan penalti terkumpul yang dikenakan oleh AOB sebanyak RM2,989,023 (2024: RM2,573,351). Pendapatan penalti tersebut dihadkan untuk kegunaan merancang dan melaksanakan program pembinaan upaya berhubung dengan profesion perakaunan dan pengauditan.

9 PERBELANJAAN PENTADBIRAN

	2025 RM	2024 RM
Perbelanjaan pentadbiran terdiri daripada:		
Ganjaran juruaudit	29,160	29,160
Elaun ahli bukan eksekutif	290,720	272,000
Pelbagai caj lain	490,415	584,198
Program pembinaan kapasiti	41,590	872,256
Kos kakitangan:		
Imbuhan, bonus, perubatan kakitangan, latihan kakitangan dan kerja lebih masa	6,035,799	6,137,636
Pelan caruman yang ditentukan	847,544	992,022
Faedah pekerja lain	57,803	169,639
	7,793,031	9,056,911

10 PERBELANJAAN CUKAI

AOB adalah unit di bawah SC dan bukan entiti percukaian.

11 INSTRUMEN KEWANGAN

11.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan yang dikategorikan pada kos terlunas (AC):

	Amaun bawaan RM	AC RM
2025		
Aset kewangan		
Pelbagai penghutang	25,598	25,598
Pelaburan lain	1,519,966	1,519,966
Tunai dan setara tunai	1,979,306	1,979,306
	3,524,870	3,524,870
Liabiliti kewangan		
Pelbagai pemiutang dan akruan*	(1,567,223)	(1,567,223)

	Amaun bawaan RM	AC RM
2024		
Aset kewangan		
Pelbagai penghutang	22,644	22,644
Pelaburan lain	1,967,649	1,967,649
Tunai dan setara tunai	796,321	796,321
	2,786,614	2,786,614
Liabiliti kewangan		
Pelbagai pemiutang dan akruan*	(473,744)	(473,744)

* Tidak termasuk instrumen bukan kewangan

11.2 Pengurusan risiko kewangan

Oleh kerana AOB ditadbir oleh SC, AOB adalah tertakluk kepada dasar pengurusan risiko kewangan SC.

AOB mempunyai dasar dan garis panduan berkenaan strategi pelaburan menyeluruh dan toleransi ke arah risiko. Pelaburan diurus dengan cara berhemah untuk memastikan dana dikekalkan dan terpelihara.

AOB mempunyai pendedahan kepada risiko yang berikut daripada penggunaan instrumen kewangannya:

- Risiko kredit
- Risiko kecairan
- Risiko pasaran

11.3 Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kepada AOB jika pihak berlawanan kepada instrumen kewangan gagal mematuhi obligasi kontraknya. Pendedahan kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada ciri-ciri individu setiap pelanggan. Tiada perubahan ketara berbanding dengan tahun sebelumnya.

Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai disimpan di dalam bank berlesen dan institusi kewangan. Pada akhir tempoh pelaporan, pendedahan maksimum kepada risiko kredit dinyatakan dengan amaun bawaan di penyata kedudukan kewangan.

Bank berlesen dan institusi kewangan mempunyai risiko kredit yang rendah. AOB berpendapat bahawa elaun kerugian tidak material. Oleh itu, ia tidak diperuntukkan.

Pelaburan AOB adalah terutamanya dalam simpanan tetap dengan institusi kewangan.

11.4 Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko yang AOB tidak akan dapat memenuhi obligasi kewangannya apabila tiba tarikh luputnya.

AOB, melalui SC, memantau dan mengekalkan tahap tunai dan setara tunai yang dianggap mencukupi untuk membiayai operasi AOB dan menerima sokongan kewangan daripada SC untuk memastikan, sejauh mungkin, bahawa ia akan mempunyai kecairan yang mencukupi untuk memenuhi liabilitinya apabila ia memenuhi tempoh.

Analisis kematangan

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan AOB pada akhir tempoh pelaporan berdasarkan pembayaran kontrak tidak didiskaun.

	Amaun bawaan RM	Aliran tunai berkontrak RM	Bawah 1 tahun RM
2025			
Liabiliti kewangan			
Pelbagai pemiutang dan akruan	1,567,223	1,567,223	1,567,223
2024			
Liabiliti kewangan			
Pelbagai pemiutang dan akruan	473,744	473,744	473,744

11.5 Risiko pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada risiko perubahan dalam harga pasaran yang akan memberi kesan kepada kedudukan kewangan AOB atau aliran tunainya.

11.5.1 Risiko kadar faedah

Aset AOB yang menanggung faedah terdiri daripada deposit tetap dengan bank dan baki di bank.

Profil kadar faedah instrumen kewangan yang menanggung faedah ketara AOB, berdasarkan amaun bawaan pada penghujung tempoh pelaporan adalah:

	2025 RM	2024 RM
Instrumen kadar tetap		
Aset kewangan	3,030,612	1,967,649

Analisis sensitiviti risiko kadar faedah

Analisis sensitiviti risiko kadar faedah bagi instrumen kadar terapung

AOB tidak mempunyai sebarang aset kewangan kadar terapung kos terlunas. Oleh itu, perubahan dalam kadar faedah pada akhir tempoh pelaporan tidak akan menjejaskan untung atau rugi.

11.6 Maklumat nilai saksama

Amaun bawaan tunai dan setara tunai, pelbagai penghutang, pelaburan lain, pelbagai pemiutang dan akruan secara munasabah menganggarkan nilai saksamanya disebabkan tempoh jangka pendek instrumen kewangan.

Hierarki nilai saksama tidak dibentangkan kerana tiada instrumen kewangan yang dibawa pada nilai saksama atau yang tidak dibawa pada nilai saksama yang mana nilai saksama didedahkan pada akhir tahun kewangan.

12 PENGURUSAN DANA

Objektif AOB adalah untuk mengekalkan rizab yang cukup untuk memelihara keupayaan AOB bagi melaksanakan kewajipan dan fungsinya dengan bebas. Rizab ini diuruskan oleh SC.

13 PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 ini diberikan kebenaran oleh SC untuk dikeluarkan dan ditandatangani oleh Pengerusi SC dan Pegawai Eksekutif AOB pada 29 Januari 2026.

PENGAKUAN BERKANUN

Saya, Nur Fatin binti Abdul Aziz, pegawai utama yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan Lembaga Pemantauan Audit, dengan ikhlas berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 48 hingga 61 adalah, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya itu benar, dan menurut peruntukan-peruntukan *Akta Perakuan Berkanun, 1960.*

NUR FATIN BINTI ABDUL AZIZ
PEGAWAI

Ditandatangani dan diikrarkan oleh yang ternama di atas Nur Fatin binti Abdul Aziz, di Kuala Lumpur dalam negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 29 Januari 2026.

Di hadapan saya:

PESURUHJAYA SUMPAH
W919
THANGAPERUMAL
A/L ANDIMUTHU A.M.W.
01.01.2025 - 11.6.2027
MALAYSIA

JALAN TUN SAMBANTHAN
50470 KUALA LUMPUR

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

LAPORAN MENGENAI PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Apa yang kami telah audit

Kami telah mengaudit penyata kewangan Lembaga Pemantauan Audit (AOB), ditubuhkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2025, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam dana terkumpul dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan, termasuk maklumat dasar-dasar perakaunan yang material dan maklumat penjelasan lain, seperti yang dinyatakan pada muka surat 48 hingga 61.

Pendapat kami

Pada pendapat kami, penyata kewangan AOB memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan AOB pada 31 Disember 2025, serta prestasi kewangan dan aliran tunai mereka bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* (MFRS) dan *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa* (IFRS).

Asas kepada pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan di dalam laporan kami.

Kebebasan dan tanggungjawab etika lain

Kami adalah bebas daripada AOB selaras dengan *Undang-undang Kecil (mengenai Etika Profesional, Tingkah Laku dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia* (Undang-undang Kecil) dan *Kod Etika Antarabangsa untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa)* oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan (Kod IESBA), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain, selaras dengan Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Tanggungjawab Ahli-ahli Lembaga terhadap Penyata Kewangan

Ahli-ahli Lembaga SC bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan AOB yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan MFRS dan IFRS. Para Ahli Lembaga SC juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang para Ahli Lembaga SC tentukan sebagai perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan AOB yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan AOB, para Ahli Lembaga SC bertanggungjawab untuk menilai keupayaan AOB untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana, berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan, melainkan jika para Ahli Lembaga SC sama ada berhasrat untuk membubarkan AOB atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik melainkan untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan AOB secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan IAS akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau agregat, sekiranya dijangkakan dengan munasabah boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan ISA, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata dalam penyata kewangan AOB, sama ada disebabkan oleh penipuaan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- Mendapat pemahaman mengenai kawalan dalaman yang relevan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuaan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman AOB.

- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh para Ahli Lembaga SC.

- Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh para Ahli Lembaga SC dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan AOB untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan AOB atau, tidak pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat kami akan diubah. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan AOB berhenti untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan.

- Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan AOB, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan AOB mewakili asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa dengan cara yang memberikan gambaran saksama.

Kami berkomunikasi dengan para Ahli Lembaga SC mengenai, antara perkara lain, skop dan tempoh pengauditan yang dirancang dan penemuan audit yang signifikan, termasuk sebarang kelemahan signifikan dalan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan kami.

PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini disediakan khusus untuk para Ahli Lembaga SC, sebagai sebuah badan berkanun dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

Forvis Mazars PLT
201706000496 (LLP0010622-LCA)
AF 001954
Akauntan Bertauliah

Chong Fah Yow
03004/07/2026 J
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur

29 Januari 2026

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.

LAIN-LAIN

AKRONIM DAN SINGKATAN

AARG	Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN
AC	Jawatankuasa Audit
AIR	*Laporan Pemeriksaan Tahunan*
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
BNM	Bank Negara Malaysia
ESG	persekitaran, sosial, dan tadbir urus
EQR	penyemak kualiti tugasan
IFIAR	Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa
IFRS	*Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa*
IOSWG	Kumpulan Kerja Pelabur dan Pihak Berkepentingan Lain
ISA	*Piawaian Pengauditan Antarabangsa*
ISQM	*Piawaian Pengurusan Kualiti Antarabangsa*
MIA	Institut Akauntan Malaysia
Undang-undang Kecil MIA	Undang-Undang Kecil MIA (mengenai Etika, Tatalaku dan Amalan Profesional)
MICPA	Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia
NAV	nilai aset bersih
PIE	entiti berkepentingan awam
PLC	syarikat awam tersenarai
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCMA	*Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993*
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia

DEFINISI

Juruaudit

Juruaudit individu atau firma audit yang berdaftar atau diiktiraf di bawah seksyen 31O SCMA sebagai juruaudit berdaftar atau juruaudit diiktiraf untuk suatu PIE atau kumpulan wang jadual.

Firma Audit Utama

Firma Audit Utama ialah firma audit dengan lebih daripada 50 pelanggan audit PIE dengan jumlah permodalan pasaran melebihi RM15 bilion.

Firma Audit Lain

Firma Audit selain daripada Firma Audit Utama.

Entiti berkepentingan awam

Entiti yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual 1 SCMA–

(a) suatu PLC atau perbadanan disenaraikan pada bursa saham;
(b) suatu bank yang dilesenkan di bawah *Akta Perkhidmatan Kewangan 2013*;
(c) suatu penanggung insurans yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013;
(d) suatu pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
(e) suatu bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
(f) seseorang yang ditetapkan sebagai suatu institusi kewangan yang ditetapkan di bawah seksyen 212 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau seseorang yang ditetapkan sebagai suatu institusi kewangan Islam yang ditetapkan di bawah seksyen 223 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;
(g) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002;
(h) seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi menjalankan aktiviti terkawal berniaga dalam sekuriti, berniaga dalam derivatif atau pengurusan kumpulan wang;
(i) suatu syarikat pemegangan bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
(j) suatu bursa yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
(k) suatu depositori pusat yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
(l) suatu pusat penjelasan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
(m) suatu organisasi pengawalseliaan sendiri yang diiktiraf di bawah undang-undang sekuriti;
(n) suatu pentadbir skim persaraan swasta yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
(o) suatu repositori dagangan yang diluluskan di bawah undang-undang sekuriti;
(p) Perbadanan Dana Pampasan Pasaran Modal; dan
(q) mana-mana orang lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.

Kumpulan wang jadual

Dana yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual 1 SCMA–

(a) suatu skim persaraan swasta yang diluluskan oleh SC di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA);
(b) suatu skim unit amanah yang diluluskan, diberi kuasa atau diiktiraf oleh SC di bawah CMSA; dan
(c) mana-mana dana pasaran modal lain sebagaimana yang ditentukan oleh SC.

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.